

03/04/1998

2 gagal kekal jawatan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Hanya dua ketua bahagian Umno di Kedah gagal mempertahankan jawatan apabila semua 15 bahagian selesai mengadakan pemilihan perwakilan Ahad lalu.

Mereka ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim di Pokok Sena dan Adun Tanjung Dawai, Badri Yunus, di Merbok.

Abdul Rahman tewas kepada Ahmad Lebai Sudin yang juga ahli Exco dan Adun Bukit Lada, manakala Badri dikalahkan oleh bekas Ketua Pemuda bahagian, Arzmi Hamid.

Bagaimanapun, paling menarik pemilihan di Kedah kali ini ialah pertembungan Ahmad dan Abdul Rahman diikuti peletakan jawatan Exco oleh Ahmad.

Ahmad membuat keputusan yang dianggap melanggar arahan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, supaya anggota Exco tidak menentang ketua bahagian yang juga Exco atau Ahli Parlimen.

Sehari sebelum mesyuarat perwakilan bahagian Pokok Sena pada Jumaat lalu, Ahmad meletakkan jawatan Exco bagi mematuhi arahan Menteri Besar dan menentang Abdul Rahman.

Ahmad memenangi jawatan itu tetapi peletakan jawatan hanya diketahui Ahad lalu, iaitu hari beliau berlepas ke Makkah untuk menunaikan fardu haji.

Beliau yang sebelum itu memenangi jawatan Ketua Pemuda bahagian menyerahkan jawatan itu kepada naib ketua, Ariffin Man sebagai pemangku Ketua Pemuda.

Sanusi ketika diminta mengulas peletakan jawatan Exco itu, berkata Ahmad tidak melakukan kesalahan kerana telah meletakkan jawatan sehari sebelum bertanding menentang Abdul Rahman.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menang tanpa bertanding di Kubang Pasu, manakala Tan Sri Osman Aroff mengekalkan jawatan timbalan, juga tanpa bertanding.

Mokhzani Mahathir pula menang tanpa bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda di Merbok selepas Arzmi melepaskan jawatan kerana tamat tempoh had umur.

Kulim/Bandar Baharu pula muncul sebagai bahagian tunggal di Kedah yang semua jawatan utama dimenangi tanpa bertanding.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, mengekalkan jawatan tanpa bertanding dan berjaya memastikan tiada pertandingan di bahagian berkenaan.

Sanusi tidak mengetuai sebarang bahagian apabila tidak bertanding merebut jawatan di Langkawi seperti pada pemilihan lalu. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib, mengekalkan jawatan tanpa bertanding.

Keputusan Sanusi tidak mencuba buat kali kedua di Langkawi dikatakan sebagai memenuhi arahnya supaya Exco negeri tidak menentang Exco lain atau Ahli Parlimen yang menjadi ketua bahagian.

Ura-ura Sanusi diberi laluan mengetuai beberapa bahagian, termasuk Merbuk, Jerlun dan Yan, juga tidak menjadi kenyataan apabila semua ketua bahagian kecuali di Merbuk, menang dalam pertandingan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Persekutuan (Fama), Datuk Badruddin Amiruldin, yang juga Ahli Parlimen mengekalkan jawatan di Yan, manakala Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Hanafi Ramli, di Jerlun.

(END)